

Syor larang motosikal tak relevan

B-H 1/11/02 M/S 20

Cadangan susahkan golongan berpendapatan rendah bergerak dalam bandar

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Cadangan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, melarang motosikal memasuki bandar dan pekan bagi mengatasi jenayah ragut dianggap tidak relevan dan hanya menyusahkan golongan berpendapatan rendah yang menjadi pengguna utama kenderaan itu.

Pelbagai pihak berpendapat, walaupun ia mampu memberi kesan positif dalam usaha kerajaan mengurangkan kadar jenayah, tetapi kesan negatif akan lebih dirasai terutama dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu yang memerlukan pengguna berjimat cermat.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pihaknya se-

cara dasarnya menyambut baik perkara itu tetapi mahu ia dikaji secara mendalam sebelum dikuatkuasakan.

"Memang ia mampu mengurangkan kadar jenayah ragut, tetapi kesan kepada golongan lain juga harus difikirkan terutama rakyat berpendapatan rendah atau sederhana yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan bergerak ke mana-mana," katanya ketika dihu-

bungi di sini, semalam.

Kelmarin, Musa dilaporkan berkata, pihaknya akan mengkaji serta mencadangkan kepada kerajaan untuk melarang motosikal memasuki bandar dan pekan di negara ini bagi memastikan jenayah ragut menggunakan motosikal dapat ditangani dengan berkesan.

Nada sama disuarakan Timbalan Pengerusi Eksekutif Gabungan Persatuan Superbi-

kers Malaysia (SAM), Datuk Rauf Jusoh yang menolak cadangan itu kerana mengangapnya tidak praktikal serta alasan digunakan (mencegah jenayah) tidak berasas.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MMSDA), Wee Hong menjangkakan larangan itu akan memberi kesan negatif kepada penjualan motosikal kerana permintaan yang berkurangan.